

Teks Ucapan
Y.B Datuk Hj Fadillah Bin Hj. Yusof
MENTERI KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

Sempena
MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
ANTARA
BADAN PEMBINAAN KONSTRUKSI,
KEMENTERIAN PEKERJAAN UMUM REPUBLIK INDONESIA
DAN
CIDB HOLDINGS SDN BHD
Pada
31 Mac 2014

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Terhormat Menteri,
Bapak Ir Djoko Kirmanto,
Menteri Pekerjaan Umum Republik Indonesia

Yang Terhormat
Bapak Herman Prayitno
Duta Besar Republik Indonesia di Malaysia

Yang Terhormat,
Bapak Ir. R. Bambang Goeritno Soekamto
Inspektur Jenderal Kementerian Pekerjaan Umum, Republik Indonesia

Yang Terhormat,
Bapak Ir. Hedyanto W. Husaini
Kepala Badan Pembinaan Konstruksi Indonesia

Yang Berbahagia,
Datuk Himmat Singh
Ketua Setiausaha,
Kementerian Kerja Raya Malaysia

Yang Berbahagia,
Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali
Pengerusi,
CIDB Malaysia

Yang Berbahagia,
Dato' Sri Ir Dr Judin Abdul Karim,
Ketua Eksekutif CIDB
Merangkap Pengerusi CIDB Holdings Sdn Bhd

Yang Berusaha,
Ir Abdul Latiff Hitam,
Ketua Pegawai Eksekutif
CIDB Holdings Sdn Bhd

Y.Bhg. Datuk-datuk, Datin-datin

Tuan-tuan dan puan-puan serta para hadirin sekalian

Assalamu `alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

1. Syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya dapat kita bersama-sama berkumpul di dalam dewan ini bersempena Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Antara Badan Pembinaan Konstruksi Kementerian Pekerjaan Umum Republik Indonesia dan CIDB Holdings.
2. Dengan rasa penuh takzim, saya mengalu-alukan kehadiran rakan sejawat saya Yang Terhormat Bapak Djoko Kirmanto, Menteri Pekerjaan Umum Republik Indonesia dan Ketua Pengarah Badan Pembinaan Konstruksi Indonesia (CDA) Ir. Hediyanto W. Husaini serta semua ahli delegasi daripada Indonesia kerana sudi

meluangkan masa untuk datang ke Malaysia bagi sama-sama menyaksikan MoU ini ditandatangani oleh CIDB Holdings dan CDA.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

3. Misi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), di bawah Kementerian Kerja Raya, adalah untuk membangunkan industri pembinaan di Malaysia disamping meningkatkan daya saing industri pembinaan manakala visi CIDB adalah untuk menjadi organisasi terunggul dalam membangunkan industri pembinaan bertaraf dunia. Hal ini dijelaskan lagi dengan objektif CIDB iaitu untuk membina kapasiti & kapabiliti industri pembina melalui peningkatan kualiti & produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti. CIDB Holdings dan Akademi Binaan Malaysia (ABM) pula bertindak sebagai **pelaksana latihan** selaras dengan visi dan misi CIDB ini.
4. Akademi Binaan Malaysia (ABM) adalah merupakan **Pusat Latihan dan Penilaian Pembinaan** di bawah CIDB Malaysia yang

dipertanggungjawab untuk menyediakan latihan dan penilaian untuk pekerja binaan, penyelia dan pengurus dalam industri pembinaan. CIDB telah menubuhkan enam ABM di seluruh Malaysia iaitu ABM Wilayah Selatan, di Johor Bahru; ABM Wilayah Tengah, di Kuala Lumpur; ABM Wilayah Timur di Kuala Berang Terengganu seterusnya ABM Sabah, di Kota Kinabalu dan ABM Sarawak di Kuching, Sarawak. Antara aktiviti latihan yang dijalankan di ABM adalah Personel Binaan, Akreditasi, Program Latihan Belia, Kad Hijau & 'Customized Training'. Sejak penubuhannya ABM seluruh Malaysia telah melahirkan lebih daripada 200,000 pekerja binaan mahir dalam pelbagai bidang.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Pada hari ini, saya amat gembira dan berbesar hati atas kesudian **Badan Pembinaan Konstruksi, Kementerian Pekerjaan Umum Republik Indonesia** untuk menjalinkan kolaborasi dengan CIDB Malaysia yang diwakili oleh CIDB Holdings. Kolaborasi ini bermatlamat menyediakan program latihan dan pensijilan kepada personel binaan Indonesia yang sah untuk bekerja Malaysia.

6. Sehubungan dengan itu, saya memuji langkah Kementerian Pekerjaan Umum Indonesia kerana memulakan inisiatif ini bagi meningkatkan kemahiran personel binaan di Malaysia, sekaligus mengiktiraf personel binaan melalui sijil Perakuan Kecekapan Pekerja Asing. Saya percaya, langkah ini, antara lain akan memastikan hasil kerja yang berkualiti dalam sektor pembinaan di Malaysia.
7. ABM mempunyai modul latihan kemahiran dalam 58 bidang pembinaan. Bagi tujuan kolaborasi ini, ABM akan memberikan fokus kepada empat bidang pembinaan iaitu; (i) Penerapan Bata & Pelepaan, (ii) Pelepaan dan Penjubinaan, (iii) Pertukangan kayu, Pembengkokkan Bar dan Konkrit, serta (iv) Aplikasi Lapisan dan Dekorasi. ABM mensasarkan seramai 7,000 personel binaan Indonesia dilatih dalam tempoh setahun iaitu mulai 2014 hingga 2015 dalam 4 bidang tersebut.
8. Saya percaya, kerjasama ini akan dapat dipertingkatkan di masa akan datang dengan membuka akademi-akademi binaan secara usahasama di antara CIDB dan Badan Pembinaan Konstruksi

Republik Indonesia sama ada di Jakarta dan bandaraya-bandaraya lain di Indonesia bagi menampung keperluan latihan dan memperakukan kemahiran personel binaan Indonesia.

9. Saya yakin usahasama yang kita jalinkan hari ini akan mampu mempertingkatkan kualiti tenaga kerja binaan, memacu perkongsian teknologi dan pengetahuan terkini bidang binaan yang akhirnya akan dapat melahirkan modal insan mahir dan berkompeten. Kolaborasi yang akan kita meterai pada hari ini akan memulakan satu sinergi yang mampu memberi impak positif kepada industri binaan Malaysia dan Indonesia secara keseluruhannya untuk jangka masa panjang.
10. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada **Badan Pembinaan Konstruksi, Kementerian Pekerjaan Umum Republik Indonesia** dan **CIDB Malaysia** yang telah berjaya merealisasikan perjanjian persefahaman ini dan seterusnya membuka peluang yang lebih erat di masa hadapan.

Sekian,

wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh. Terima kasih.